

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 21 Oktober 2015 (Rabu)

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) mengapakah "*Special Task Force*" yang ditubuh untuk menyiasat kes 1MDB yang dianggotai oleh Pengarah SPRM, Ketua Polis Negara, Gabenor Bank Negara Malaysia dan Peguam Negara dibubarkan; dan
- (b) adakah SPRM sudah berjaya mengesan Jho Low, Nik Faisal Ariff Kamil dan Datuk Suboh Md Yassin bagi membantu siasatan kes SRC International.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pasukan Petugas berkenaan dengan siasatan ke atas 1MDB tidak pernah pada bila-bila masa dibubarkan dan Jabatan Peguam Negara tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan sedemikian. Siasatan yang dilaksanakan oleh agensi yang berkaitan tidak pernah pada bila-bila masa pun dihentikan atau dihalang.

2. Jabatan Peguam Negara sentiasa memantau serta memberikan arahan kepada agensi yang berkaitan apabila siasatan tersebut dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara termasuklah arahan agar siasatan dipercepat.

Sekian, terima kasih.